

Belanjawan 2026 perlu pecah jerat negara, rakyat 'sederhana'

● Kerajaan gariskan sektor keutamaan menjadi enjin pertumbuhan masa depan, iaitu teknologi digital dan AI pembuatan termaju dan semikonduktor, tenaga boleh baharu dan perkhidmatan berasas AI

● Transformasi ekonomi perlukan tenaga kerja dilengkapi kemahiran abad ke-21, justeru kerajaan melaksanakan reformasi menyeluruh sistem pendidikan dan latihan vokasional



Oleh Dr Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Ekonomi, Kewangan
dan Perbankan,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Meningkatkan siling ekonomi menjadi agenda transformasi menyeluruh untuk memecahkan batasan struktur ekonomi semasa dan melonjakkan Malaysia ke tahap ekonomi berpendapatan tinggi yang dipacu inovasi.

Ia membabitkan peralihan strategik daripada model ekonomi berasaskan kos rendah kepada ekonomi berteknologi canggih berdaya saing global.

Siling ekonomi merujuk kepada had produktiviti dan keupayaan ekonomi semasa, manakala meningkatkannya bermakna membina kapasiti baharu

dalam sektor bernilai tinggi, meningkatkan produktiviti buruh serta meletakkan Malaysia sebagai pemain utama dalam rantaian global kompleks.

Transformasi ini bukan sekadar mengejar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nominal, tetapi mengutamakan kualiti pertumbuhan melalui peningkatan nilai tambah, penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi dan pembangunan ekosistem inovasi mampan.

Malaysia menyasarkan untuk keluar daripada perangkap pendapatan sederhana dengan membina ekonomi berasaskan pengetahuan yang mampu bersaing dengan negara maju.

Pendekatan ini memerlukan perubahan fundamental dalam struktur industri, sistem pendidikan, infrastruktur teknologi dan kerangka dasar yang menyokong inovasi serta keusahawanan.

Kejayaan meningkatkan siling ekonomi diukur melalui beberapa indikator prestasi utama yang menunjukkan kemajuan memberangsangkan. Malaysia mencatat lonjakan dramatik 11 anak tangga dalam Ranking Daya Saing Dunia IMD 2025, menduduki tempat ke-23 daripada 69 ekonomi, iaitu prestasi terbaik sejak 2020 dan satu-satunya negara mencatat peningkatan dua digit.

Sektor Pertumbuhan Tinggi Bernilai Tinggi (HGHV) menunjukkan pencapaian konkrit dengan nilai tambah output pembuatan berkembang 4.1 peratus pada suku pertama 2025 kepada RM95.7 bilion, manakala 50,000 pekerjaan daripada pelaburan direalisasikan.

Strategi Semikonduktor Negara (NSS) menarik komitmen pelaburan RM52 bilion dengan potensi 23,000 pekerjaan, manakala Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) menjanjikan pelaburan RM60 bilion dan 84,000 peluang pekerjaan.

Petunjuk kualiti seperti pertumbuhan syarikat pemula berdaftar meningkat kepada 4,464 setakat 2025 berbanding 3,679 pada 2024 menunjukkan kesihatan ekosistem keusahawanan.

Kerajaan menggariskan sektor keutamaan yang menjadi enjin pertumbuhan masa depan, iaitu teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI), pembuatan termaju dan semikonduktor, tenaga boleh baharu dan perkhidmatan berasaskan AI.

Pelan Induk Industri Baharu (NIMP) 2030 menyediakan peta jalan untuk transformasi sektor pembuatan dan perkhidmatan, menyasarkan peningkatan produktiviti dan inovasi mampan.

Strategi ini disokong insentif pelaburan diselenggarakan, kemudahan kelulusan diperkemas dan infrastruktur sokongan kukuh.

Pembangunan ekosistem inovasi diperkasa melalui Pelan Tindakan KL20 yang menyasarkan Malaysia sebagai hab permulaan 20 teratas dunia, dengan sokongan pembiayaan, platform digital dan rangkaian mentor komprehensif.

Pelan AI Negara 2026-2030 yang akan dilancarkan bertujuan memperluas AI dalam ekonomi dan tadbir urus, meletakkan Malaysia sebagai hab digital serantau. Program GEAR-uP memobilisasi RM11 bilion pelaburan langsung domestik (DDI) daripada sasaran RM120 bilion untuk 2024 hingga 2028, memfokuskan kepada sektor berimpak tinggi.

Tulang belakang ekonomi

Transformasi ekonomi memerlukan tenaga kerja dilengkapi kemahiran abad ke-21, justeru kerajaan melaksanakan reformasi menyeluruh sistem pendidikan dan latihan vokasional.

Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diperkembangkan untuk menghasilkan tenaga mahir dalam bidang teknologi canggih, manakala inisiatif pembelajaran sepanjang hayat membolehkan pekerja meningkatkan kemahiran.

Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) menyasarkan peningkatan penyertaan Bumiputera melebihi 8 peratus daripada KDNK dengan tumpuan kepada industri berorientasikan eksport dan sektor bernilai tinggi.

Program ini disokong skim pembiayaan khusus, bimbingan keusahawanan dan kerjasama strategik dengan syarikat multinasional untuk pemindahan teknologi serta pengetahuan.

Komitmen 34 syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menyediakan gaji sara hidup minimum RM3,100 kepada 153,000 pekerja menjadi model untuk sektor swasta dalam meningkatkan kualiti pekerjaan.

Infrastruktur fizikal dan digital canggih menjadi tulang belakang ekonomi, justeru kerajaan melaksanakan projek transformatif meningkatkan kebolehsambungan dan kecekapan.

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan sambungan Sistem Transit Rapid (RTS) Link Johor-Singapura akan mengubah landskap logistik dan perdagangan serantau, manakala pelaksanaan 5G dan infrastruktur digital membolehkan aplikasi Industri 4.0 secara meluas.

Pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singa-

pura (JS-SEZ) menjadi model integrasi ekonomi strategik untuk menarik pelaburan premium dan teknologi canggih.

Pelaburan dalam infrastruktur tenaga hijau seperti loji solar dan sistem storan tenaga menyokong agenda peralihan tenaga sambil mewujudkan peluang ekonomi baharu.

Program pendigitalan sektor awam melalui aplikasi seperti MyVisa 2.0 dan MyJPJ mengurangkan kos transaksi dan meningkatkan kecekapan perniagaan. Pembangunan pusat data dan kemudahan awan computing memposisikan Malaysia sebagai hab teknologi maklumat serantau yang menarik syarikat teknologi global.

Kluster industri khusus

Malaysia perlu membangunkan kluster industri khusus yang mengintegrasikan keseluruhan rantaian nilai dari penyelidikan hingga pengkomersialan. Konsep 'Triple Helix' menghubungkan universiti, industri dan kerajaan boleh diperkasa melalui pembangunan taman teknologi dan inkubator inovasi di lokasi strategik.

Zon ekonomi khas baharu di Pulau Pinang (Penang Silicon Island), Kulim Hi-Tech Park dan kawasan perindustrian Johor boleh dijadikan nod pertumbuhan menawarkan insentif cukai, kemudahan infrastruktur serta ekosistem sokongan komprehensif.

Pembangunan kluster halal terintegrasi merangkumi pembuatan, perkhidmatan kewangan Islam dan pensijilan halal boleh menjadikan Malaysia peneraju global dalam ekonomi halal bernilai trilion ringgit.

Kluster maritim dan aeroangkasa di Sabah dan Sarawak boleh memanfaatkan kedudukan strategik untuk perkhidmatan penyelenggaraan, pembuatan komponen serta hub logistik antarabangsa.

Pembangunan kluster bioteknologi dan perubahan mengintegrasikan herba tradisional dengan teknologi moden boleh mewujudkan kelebihan daya saing unik Malaysia.

Diversifikasi pasaran eksport menjadi kritikal untuk mengurangkan pergantungan kepada pasaran tradisional dan mengeksplorasi peluang baharu. Malaysia perlu mengukuhkan penembusan ke pasaran Afrika, Amerika Latin dan Asia Tengah melalui misi perdagangan strategik serta kerjasama ekonomi dwihala.

Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) baharu dengan blok ekonomi berkembang boleh membuka akses untuk produk Malaysia, terutama dalam sektor teknologi hijau dan produk halal.

